

Hari Moyang sambutan kebesaran etnik Mah Meri

» Upacara seru roh mohon kesejahteraan keluarga

Oleh Norashikin Leman
bhnews@bh.com.my

► Kuala Langat

Hari Moyang adalah sambutan kebesaran masyarakat Orang Asli daripada etnik Mah Meri terutama sekitar Kampung Sungai Bumbun di Pulau Carey, dekat sini.

Ia disambut pada tarikh yang ditetapkan lembaga adat kampung mengikut perkiraan berdasarkan kalendar Cina. Bagi tahun ini, sambutan Hari Moyang akan diadakan sebulan selepas Tahun Baharu Cina.

Penduduk Kampung Sungai Bumbun, Samri Abd Rahman, berkata Hari Moyang disambut sebagai memperingati nenek moyang mereka, selain memohon kesejahteraan keluarga, penduduk dan tempat tinggal mereka di situ.

Katanya, pada hari berkenaan, upacara spiritual dimulakan sebelah pagi di rumah moyang yang disebut Panga dalam bahasa Bersisi iaitu bahasa ibunda Orang Asli Mah Meri, menandakan bermulanya Hari Moyang.



Pondok yang sering dikunjungi masyarakat Orang Asli Mah Meri dan orang ramai bagi meraikan Hari Moyang di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey.

[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH]

“Ada tiga rumah moyang digunakan sebagai lokasi upacara spiritual iaitu Moyang Keteq, Moyang Gadeng dan Moyang Amal yang diketuai seorang wakil penduduk yang diamanahkan.

“Ia bukanlah rumah sebenar, sebaliknya sebuah tempat khas yang dibina untuk upacara keagamaan bagi tujuan menyeru roh nenek moyang supaya kembali ke alam ini.

Dibuka kepada orang ramai
“Selain penduduk Orang Asli Mah Meri, sambutan Hari Moyang tu-

rut dibuka kepada masyarakat umum dan lazimnya perayaan itu menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara untuk melihat secara dekat upacara yang dijalankan, termasuk tarian tradisi Jo-oh dan Topeng,” katanya ketika ditemui *BH Plus*, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Samri berkata, Hari Moyang umpama sambutan hari raya bagi masyarakat Mah Meri dengan setiap keluarga akan berusaha menyediakan hidangan istimewa seperti ketupat dan ayam masak sambal.

Samri berkata, selesai upacara spiritual, tetamu dan pelancong akan dihiburkan dengan persembahan kebudayaan terutama tarian Jo-oh yang bermaksud makan-makan dan minum.

Tambahnya lagi, tiga buah lagu akan dipersembahkan menerusi tarian berkenaan iaitu *Moyang Jabus*, *Shidut* dan *Hari Moyang*.

“Melalui lagu *Moyang Jabus*, masyarakat akan diceritakan mengenai seekor makhluk yang takutkan hujan dan suka berjalan secara mengundur. Ia juga sentiasa menutup lubang hidung ke-

rana tidak mahu dimasuki air hujan.

Pemujaan khas untuk ‘moyang laut’

“Manakala *Shidut* bermaksud sesuatu yang tertumpah dan Hari Moyang adalah lagu yang dinyanyikan bagi memperingati nenek moyang.

“Tarian Jo-oh pula membabitkan lima penari wanita dan seorang lelaki yang memakai pakaian khas dan perhiasan daun nipah serta mengkuang meliliti tubuh serta menghiasi rambut, selain memakai topeng moyang Gunung Ledang yang kelihatan menakutkan tetapi unik,” katanya.

Dalam persembahan berkenaan, alat muzik seperti tuntong (buluh), tambo (gendang) dan ta-wuk (gong) akan digunakan manakala lagu dinyanyikan adalah dalam bahasa Bersisi.

Samri berkata, selain Kampung Sungai Bumbun, masyarakat Mah Meri di Kampung Judah pula akan memperuntukkan sehari dalam setahun bagi mengadakan pemujaan khas untuk ‘moyang laut’ atau dipanggil ‘puja pantai’.

Upacara ini dibuat secara besar-besaran oleh penduduk kampung terbabit diketuai bomoh dan mereka akan berarak dari kampung hingga ke tepi laut dengan iringan muzik tradisional.

“Ketika upacara itu, persembahan makanan kepada moyang akan dibuat sambil memohon restu moyang supaya mereka mendapat hasil tangkapan laut yang banyak dan keselamatan mereka tidak diancam,” katanya.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video